

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 09.02.2026 MASA: 8.00PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
BENGKEL SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK
BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2026

TARIKH / MASA / TEMPAT
10 FEBRUARI 2026 (SELASA)
8.45 PAGI

HOLIDAY INN & SUITES PENANG PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Bengkel Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2026 (SPB – PBT 2026)**; sebuah platform penting dalam usaha kita mengekalkan kecemerlangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
2. Saya merakamkan **penghargaan dan terima kasih** kepada **Tuan Setiausaha Bandaraya**, barisan **Ketua Jabatan**, pegawai-pegawai kanan, penyelaras jabatan serta **Auditor Dalaman MBSP** yang hadir dan memberi komitmen penuh. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan hari ini mencerminkan **keseriusan kepimpinan MBSP terhadap budaya prestasi tinggi**.

Hadirin yang saya hormati,

3. Pada **penilaian SPB–PBT 2024**, MBSP telah berjaya mengekalkan **penarafan 5 bintang** dengan pencapaian **94.09 peratus**. Pencapaian ini bukan sekadar angka, tetapi lambang **kecekapan tadbir urus, integriti organisasi dan kepercayaan rakyat** terhadap MBSP.

4. Namun, kita harus sedar bahawa **kejayaan lalu tidak menjamin kejayaan mendatang**. Bagi sesi penilaian **tahun 2026**, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan **99 indikator baharu** merangkumi **enam (6) kriteria utama**, termasuk aspek pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan, penyertaan komuniti, integriti dan pengurusan kewangan.
5. Ini menuntut **pendekatan yang lebih strategik, pembuktian yang lebih kukuh dan tindakan yang lebih berimpak**. Setiap dasar mesti diterjemahkan kepada pelaksanaan, dan setiap pelaksanaan perlu disokong dengan dokumentasi yang tepat, telus dan berintegriti.
6. Sehubungan itu, saya merakamkan penghargaan kepada **pasukan Audit Dalaman MBSP** yang telah melaksanakan **Audit Dalaman SPB–PBT pada 3 dan 4 Februari 2026**. Bengkel pada hari ini diadakan bagi **meneliti dapatan audit, menampung kelompondan serta menambah baik pembuktian** sebelum penilaian sebenar dilaksanakan.
7. Saya ingin menegaskan bahawa **kejayaan mengekalkan penarafan 5 bintang adalah tanggungjawab bersama**. Ia memerlukan **komitmen padu Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai kanan**, serta kerjasama menyeluruh seluruh warga MBSP.
8. Dengan **tarikh akhir pengemukaan pembuktian pada 31 Mac 2026**, dan penilaian oleh KPKT bermula **April 2026**, masa yang ada amat

terhad. Namun saya yakin, dengan **disiplin, kesepaduan dan semangat satu pasukan**, MBSP mampu **bukan sahaja mengekalkan 5 bintang, malah memperkukuh kedudukan sebagai PBT contoh di peringkat nasional.**

9. Harapan saya, **jadikan bengkel ini sebagai medan penambahbaikan yang sebenar**, bukan sekadar memenuhi keperluan penilaian. Berbincanglah dengan terbuka, bertindaklah dengan tegas dan bekerjalah dengan penuh amanah demi kesejahteraan rakyat Seberang Perai.
10. **Akhir kata**, saya menggesa agar setiap dapatan audit diteliti secara objektif dan **diambil tindakan susulan yang jelas serta berkesan**, kerana kejayaan SPB–PBT 2026 bergantung kepada ketepatan pelaksanaan selepas bengkel ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.